

MODUL PINTAS
TINGKATAN 5
BAHASA MELAYU
Kertas 1

1103/1

2 jam

Dua jam

PERATURAN PEMARKAHAN
BAHASA MELAYU K1
1103/1

BAHASA MELAYU KERTAS 1
PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM

KRITERIA PENSKORAN KARANGAN BAHAGIAN A: (30 Markah)

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	26 – 30 (28 – 30) (26 – 27)	- Karangan menepati tema bahan rangsangan. Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. Penggunaan kosa kata luas dan tepat. Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi dan menggunakan ungkapan yang menarik. Idea relevan dengan tema bahan rangsangan dan dihuraikan dengan jelas dan matang.
Kepujian	20 – 25 (23 – 25) (20 – 22)	- Karangan menepati tema bahan rangsangan. Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. Penggunaan kosa luas. Wacana lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi. Idea relevan dengan tema bahan rangsangan dan dihuraikan dengan jelas.
Memuaskan	15 – 19 (17 – 19) (15 – 16)	- Karangan masih menepati tema bahan rangsangan. - Bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca yang masih betul dan tepat. Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara. Penggunaan kosa kata terhad. Wacananya masih lengkap. Unsur bahasa masih bervariasi. - Idea masih relevan dengan tema bahan rangsangan. Huraian idea masih jelas.
Kurang memuaskan	10 – 14 (12 – 14) (10 – 11)	- Karangan kurang menepati tema bahan rangsangan. - Bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat. Kesalahan – kesalahan tata bahasa ketara. Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara. Penggunaan kosa kata terhad. Wacananya kurang lengkap. Unsur bahasa kurang bervariasi.

		Idea kurang relevan dengan tema bahan rangsangan dan huraianya kurang jelas.
Pencapaian minimum	(09 – 01)	- Calon tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis. Banyak kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat. Idea tidak menepati tema bahan rangsangan.

**KRITERIA PENSKORAN
KARANGAN BAHAGIAN B (70 MARKAH)**

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	60 – 70 (65 – 70) (60 – 64)	- Idea yang relevan mengikut tugas, diuraikan dengan jelas dan matang, disertakan dengan contoh yang sesuai. - Penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat. - Penggunaan kosa kata luas dan tepat. Ejaan dan tanda baca yang betul. - Penggunaan pelbagai ayat yang gramatis . Laras bahasa sesuai dengan tugas. - Penggunaan unsur bahasa bervariasi. Gaya bahasa amat menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa. Pengolahan sangat menarik dan berkesan serta pemerenggan sesuai. Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan.
Kepujian	50 – 59 (55 – 59) (50 – 54)	- Idea yang relevan mengikut tugas, diuraikan dengan jelas, disertakan dengan contoh yang sesuai. - Penggunaan pelbagai jenis kata yang tepat. - Penggunaan kosa kata luas dan tepat. Ejaan dan tanda baca betul. - Penggunaan pelbagai jenis ayat yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. Laras bahasa sesuai dengan tugas. - Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi. Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa. Pengolahan menarik dan berkesan serta pemerenggan sesuai.

		• Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan.
Baik	40 – 49 (45 – 49) (40 – 44)	• Idea masih relevan mengikut tugas, huraian isi masih jelas dan contoh masih sesuai. • Penggunaan pelbagai jenis kata sesuai. • Penggunaan kosa kata umum. • Ejaan dan tanda baca betul. • Penggunaan pelbagai jenis ayat yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. • Laras bahasa sesuai mengikut tugas. • Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi. • Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan. • Pengolahan masih menarik dan berkesan serta pemerenggan masih sesuai. • Wacana masih lengkap.
Memuaskan	30 – 39 (35 – 39) (30 – 34)	• Idea masih relevan mengikut tugas, huraian isi kurang jelas, bercampur aduk dan contoh kurang/tidak sesuai. • Penggunaan kosa kata umum dan terhad atau kurang tepat • Ayat kurang/tidak gramatis tetapi masih difahami. • Laras bahasa kurang sesuai. • Penggunaan unsur bahasa kurang/tidak bervariasi. • Gaya bahasa kurang /tidak menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan. • Pengolahan kurang /tidak menarik. • Wacana tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang.
Kurang memuaskan	20 – 29 (25 – 29) (20 – 24)	• Idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas / tidak berkembang dan contoh tidak sesuai. • Keseluruhannya menunjukkan penggunaan kata dan ayat yang tidak gramatis. • Terdapat kesalahan ejaan dan tanda yang ketara • Ayat tidak gramatis tetapi masih difahami • unsur bahasa tidak bervariasi. • Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah dan tidak menarik. • Pengolahan tidak menarik. • Wacana tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang dan tidak sesuai.

Pencapaian mimimum	10 – 19 (15 – 19) (10 – 14)	• Keseluruhannya menunjukkan penggunaan kata dan ayat yang tidak gramatis. • Terdapat kesalahan ejaan dan tanda yang ketara • Ayat tidak gramatis tetapi masih difahami • unsur bahasa tidak bervariasi. • Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah dan tidak menarik. • Pengolahan tidak menarik. • Wacana tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang dan tidak sesuai. • Keseluruhan karangan sukar dibaca / tidak difahami.
Belum mencapai pencapaian minimum	01 – 09 (05 – 09) (01 – 04)	• Calon hanya menyalin soalan/pernyataan soalan sahaja. • Kertas soalan tiada jawapan.

SKEMA JAWAPAN KARANGAN BAHAGIAN A:

Maklumat di bawah menunjukkan kegiatan rasuah.

*Huraikan pendapat anda tentang **kegiatan rasuah** yang semakin membimbangkan negara.*

*Panjangnya huraian hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan**.*

1. Kehendak soalan:

- Calon dapat menghuraikan kesan-kesan rasuah dan langkah-langkah pencegahan rasuah berdasarkan fokus yang terdapat dalam bahan rangsangan tersebut.
- Sekiranya calon hanya menerangkan salah satu sahaja fokus berdasarkan bahan rangsangan, karangan tidak boleh cemerlang – hanya peringkat kepujian sahaja.

2. Cadangan jawapan:

i. Fokus 1: Kesan-kesan rasuah

- Mengakibatkan kerugian
- Kos hidup semakin meningkat
- Kepercayaan terhadap kerajaan/penjawat awam semakin menurun
- Mencemarkan maruah/nama baik

ii. Fokus 2: Langkah-langkah pencegahan rasuah

- Penguatkuasaan undang-undang/menjatuhkan hukuman yang berat
- Kerajaan mengadakan kempen pencegahan rasuah
- Peranan ibu bapa memberikan didikan agama kepada anak-anak
- Masyarakat bekerjasama membanteras rasuah

SKEMA JAWAPAN KARANGAN BAHAGIAN B:

Soalan 1:

Jeanne Chall membongkar bahawa terdapat satu hubungan rapat dan eksklusif di antara pendidikan dan membaca. Maksudnya seseorang yang berpendidikan tinggi akan mudah untuk lebih membaca dan seseorang yang banyak membaca akan mudah ke arah berpendidikan tinggi. Seterusnya dengan mengamalkan budaya membaca dapat melahirkan bangsa yang berdaya saing dalam mendepani era ledakan teknologi maklumat.

Sumber: *Internet*

Berdasarkan pandangan penulis di atas, budaya membaca amat penting untuk melahirkan generasi intelektual yang dapat memajukan negara di persada antarabangsa.

Jelaskan faedah-faedah yang diperoleh daripada budaya membaca dalam kalangan remaja..

1. Kehendak tugas:

- Calon dapat menerangkan faedah-faedah budaya membaca dalam kalangan remaja.
- Jika calon menerangkan langkah-langkah menggalakkan budaya membaca sahaja, karangan peringkat kurang memuaskan.

2. Cadangan isi-isi penting:

- Dapat meningkatkan ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang
- Mengisi masa lapang dengan berfaedah
- Meningkatkan kemahiran berbahasa/berkomunikasi/menambahkan perbendaharaan kata
- Mengetahui perkembangan isu semasa dari dalam dan luar negara
- Meningkatkan daya kreativiti seseorang – menghasilkan karya sastera

Soalan 2:

“Semangat muhibah terhasil apabila rakyat yang berasal daripada etnik dan agama yang berbeza saling menghormati antara satu sama lain dan sentiasa berhati-hati dan menyedari sensitiviti agama dan budaya masing-masing demi keharmonian antara kaum. Setiap orang mempunyai peranan masing-masing untuk menyatukan Malaysia berdasarkan nilai murni diajar semua agama dan kaum dan bukannya mengamalkan dan mengeksploitasi sentimen etnik.”

Sumber: Majalah Dewan Siswa, Julai 2020

Berdasarkan petikan ucapan di atas, anda ingin menulis sepucuk surat kepada sahabat anda yang berada di luar negara. Isi kandungan surat tersebut menerangkan peranan pelbagai pihak yang perlu berganding bahu bagi meningkatkan semangat perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum.

Tulis surat tersebut selengkapnya.

1. Kehendak tugas:

- Calon dapat menulis sepucuk surat tidak rasmi dengan lengkap dan dapat menerangkan peranan pelbagai pihak dengan berganding bahu untuk meningkatkan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum.

- Sekiranya calon tidak menjawab mengikut format surat tidak rasmi/format surat salah – karangan peringkat kepujian bawah sahaja.
- Jika calon hanya menerangkan peranan hanya satu pihak sahaja, karangan tidak boleh cemerlang – hanya peringkat baik sahaja.
- Sekiranya calon lebih banyak menerangkan kepentingan/kebaikan semangat perpaduan berbanding peranan pelbagai pihak – maksimum peringkat memuaskan sahaja.

2. Cadangan isi-isi penting:

- Peranan kerajaan mengadakan kempen kesedaran tentang kepentingan semangat perpaduan/mengadakan seminar.
- Peranan ibu bapa menerapkan amalan nilai-nilai murni seperti hormat-menghormati, bekerjasama dan tolong-menolong dalam kalangan anak-anak sejak kecil lagi.
- Peranan guru dengan mendidik murid-murid melalui mata pelajaran Sivik dan Kewarganegaraan, Pendidikan moral dan Pendidikan Islam agar saling menghormati kaum lain.
- Peranan media massa dengan menerbitkan program yang bertemakan semangat perpaduan seperti drama, dokumentari dan iklan.
- Peranan badan bukan kerajaan (NGO) menganjurkan majlis rumah terbuka semasa musim perayaan atau sambutan bulan kemerdekaan.

Soalan 3 :

KUALA LUMPUR: Akta berkaitan orang kelainan upaya (OKU) yang sudah diwartakan cukup sempurna namun perlu diperkasakan sewajarnya bagi membela nasib golongan berkenaan. Presiden Persatuan Kurang Upaya Anggota Melayu Malaysia (KUAM), Suhairi Abdullah, berkata akta sedia ada yang diperuntukkan untuk golongan OKU tidak pernah dikuatkuasakan, sekali gus sebarang permasalahan yang dihadapi oleh golongan ini tidak dapat diselesaikan. Katanya, permasalahan golongan itu boleh diselesaikan dengan mudah sekiranya semua akta dikuatkuasakan dengan sebaik-baiknya.

Sumber : Berita Harian Online, 4 Jun 2019

Usaha yang berterusan membantu Orang Kurang Upaya (OKU) merupakan satu tindakan yang wajar demi membolehkan golongan ini memberikan sumbangan bagi membantu perkembangan ekonomi negara.

Huraikan peranan semua pihak yang wajar dilakukan untuk membantu golongan ini.

1. Kehendak tugasan:

- Calon dapat menghuraikan peranan semua pihak atau sekurang-kurangnya dua pihak untuk membantu golongan (OKU).
- Sekiranya calon hanya menerangkan peranan satu pihak sahaja, markah peringkat baik sahaja.

2. Cadangan isi-isi penting:

- Peranan diri dengan mengubah stigma masyarakat yang berpendapat golongan OKU hanya menyusahkan dan tidak menyumbang apa-apa ke arah kebaikan.
- Peranan pihak sekolah dengan memberi peluang serta latihan kemahiran yang sesuai dengan kemampuan mereka.

- Peranan pihak kerajaan dengan menyediakan infrastruktur/prasana bagi kemudahan golongan OKU. Sebagai contoh, lif, tempat laluan dan tandas OKU.
- Peranan pihak swasta dengan mengambil golongan OKU untuk bekerja di syarikat dan agensi sebagai mengiktiraf terhadap kemampuan mereka.

Soalan 4 :

Datuk Ramly Mokni merupakan seorang tokoh usahawan Melayu yang telah mengecapi dan mencapai kejayaan dalam bidang keusahawanan dengan begitu cemerlang dan patut diteladani oleh usahawan-usahawan bumiputera yang lain. Kejayaannya bukanlah dapat dinikmati dalam sekelip mata, tetapi bermula dari bawah dan terpaksa mengharungi dengan pelbagai cabaran dan halangan. Dengan keyakinan diri dan ketabahan serta kecekalan hatinya yang tinggi, beliau telah dapat mengembangkan perniagaannya dari gerai menjual burger sehingga membuka kilang untuk mengeluarkan daging burger dari 300 keping sehari kepada 30 tan daging sehari selepas 20 tahun dengan jualan tahunan pada masa ini mencatat RM42 juta.

Sumber : Internet

Prinsip untuk mencapai kejayaan dalam bidang keusahawanan ialah para usahawan haruslah sentiasa mengamalkan nilai kejujuran dan menitikberatkan mutu barangan yang dihasilkan.

Jelaskan faktor-faktor kejayaan seseorang usahawan di negara kita.

1. Kehendak tugas:

- Calon dapat menghuraikan faktor-faktor kejayaan seseorang dalam bidang keusahawanan di negara kita.
- Jika calon menerangkan langkah-langkah untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya, markah peringkat memuaskan.
- Sekiranya calon menghuraikan kepentingan menjadi usahawan yang berjaya, markah peringkat memuaskan sahaja.
- Calon mencampuradukkan isi-isi penting dengan langkah-langkah/kepentingan-kepentingan, markah peringkat baik sahaja.

2. Cadangan isi-isi penting:

- Seseorang hendaklah mempunyai penguasaan ilmu pengetahuan dalam bidang usahawan seperti Ekonomi Asas dan Perniagaan supaya tidak mudah ditipu.
- Mempunyai modal yang mencukupi seperti modal dari segi kewangan dan fizikal. Modal boleh diperoleh melalui kemudahan pinjaman seperti TEKUN, dan bantuan kewangan daripada Pusat Urus Zakat.
- Mempunyai sikap gigih berusaha dan tidak mudah putus asa dalam menghadapi cabaran dan rintangan dunia perniagaan.
- Mampu membentuk jaringan perniagaan yang luas dan strategi pemasaran yang berkesan.
- Mempunyai pasukan pengurusan yang cekap dalam organisasi mengikut tugas dalam bidang masing-masing.